

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XVIII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN TELOK BAHANG
YB. ZOLKIFLY BIN MD. LAZIM**

17. Berniaga atas talian.

- (a) Apakah tindakan kerajaan untuk membantu golongan belia untuk berniaga di atas talian?
- (b) Apakah manfaat yang boleh diperolehi kerajaan kalau makin ramai aktiviti perniagaan dijalankan secara atas talian di Pulau Pinang?
- (c) Adakah terdapat sebarang dana dari Kerajaan Negeri untuk golongan ini?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. (a) Tindakan kerajaan negeri untuk membantu golongan belia untuk berniaga di atas talian adalah seperti berikut:
- (i) Melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) menganjurkan program dan kursus berkaitan perniagaan atas talian seperti :
 - Bengkel Penerokaan Kerjaya: Sesi Keusahawanan Atas Talian;
 - Siri Program E-Dagang ;
 - *Youth Elite Mentors* ; dan
 - Bengkel Fotografi Canon;

- (ii) Melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menganjurkan program dan kursus berkaitan perniagaan atas talian seperti :
- Program BizFrancais;
 - Program MyPerintis- BizRez;
 - Penang Netpreneur;
 - Bengkel 4.0;
 - E-Marketing;
 - Taklimat e-wallet;
 - Penyunting siaran langsung;
 - Penyuntingan dan pengambaran mobile;
 - Mereka laman web; dan
 - Pemasaran Digital.
- (iii) MMK Belia dan Sukan bersama PYDC telah menganjurkan Majlis Perundingan Mahasiswa pada 23 November 2019 dan telah menjemput usahawan-usahawan dalam bidang E-Dagang untuk berkongsi pengalaman dengan para mahasiswa.
- (iv) PDC merancang untuk mewujudkan satu platform atas talian yang menghimpunkan pengusaha tempatan yang memerlukan perkhidmatan seperti duta untuk produk mereka, penulis isu kandungan laman sosial dan sebagainya yang terbuka kepada belia terutamanya golongan pelajar kolej/universiti untuk menawarkan kemahiran yang mereka ada kepada para pengusaha dalam platform tersebut.
- (b) Antara manfaat yang boleh diperolehi oleh kerajaan negeri dari aktiviti perniagaan atas talian ini adalah :
- (i) Meningkatkan sumber pendapatan di kalangan belia;
 - (ii) Mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang;

- (iii) Mengurangkan kadar kemiskinan di Negeri Pulau Pinang; dan
 - (iv) Membantu kerajaan negeri dalam menuju ke arah Bandar Pintar (Smart City) bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2025
- (c) Kerajaan Negeri dengan kerjasama PDC telah mewujudkan Skim Pinjaman Harapan (SPH) Negeri Pulau Pinang bagi membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan usahawan. Melalui modal tambahan ini, usahawan belia yang berniaga atas talian juga layak untuk menerima manfaatnya. Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan peruntukan kepada PYDC bagi program-program pembangunan belia termasuklah bagi program berniaga atas talian kepada golongan belia.